



NUR JAZLAN merasmikan Pusat Panggilan UDA Holdings sambil diperhatikan Pengarah Urusan UDA Holdings, **Ahmad Abu Bakar** (kiri) dan Ahli Lembaga Pengarah UDA, **Datuk Zainuddin Muhamed** pada Majlis Pelancaran Transformasi Sistem Teknologi Maklumat UDA di ibu negara, semalam.

UDA sedia lepas BBP

Perbincangan beri laluan projek stesen MRT Bukit Bintang

Oleh **Che Wan Badrul Alias**
chewan@bharian.com.my

UDA Holdings Bhd, bersedia untuk melepaskan aset utamanya, pusat beli-belah Bukit Bintang Plaza (BBP) bagi memberi laluan kepada pembangunan stesen MY Rapid Transit (MRT) Bukit Bintang di kawasan itu tidak lama lagi.

Ketika ini, BBP menyumbang pendapatan sehingga RM25 juta setahun atau 25 peratus kepada keseluruhan pendapatan sewaan kumpulan itu.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata BBP adalah aset ikonik UDA Holdings kerana ia bukan hanya penyumbang terbesar kepada aliran tunai kumpulan dan aset penting dalam teras perniagaannya, malah turut menempatkan ibu pejabatnya.

Justeru, katanya, jika di-

minta melepaskan aset itu kepada MRT Corp maka pihaknya akan mempertimbangkan ia dengan serius bagi memastikan kepentingan kumpulan terus terpelihara sepanjang proses itu, termasuk berhubung isu pampasan.

“Pampasan meliputi penamatan awal kontrak ruang sewaan kepada peniaga, tindakan undang-undang, pelaksanaan skim pemberhentian secara sukarela (VSS) kepada pekerja, penutupan ibu pejabat, kerugian kumpulan ekoran kehilangan

pendapatan utama dan pelbagai lagi.

“Justeru pampasannya mungkin melebihi RM100 juta. Bagi BBP pula nilai pasarnya mencecah RM370 juta. Kami masih berbincang dengan MRT Corp dan keputusannya akan dimuktamadkan tidak lama lagi,” katanya pada sidang media selepas pelancaran Program Transformasi Teknologi Maklumat UDA Holdings di Kuala Lumpur, semalam.

Program transformasi IT yang bermula dua tahun lalu dengan nilai pelaburan RM13 juta meliputi pembangunan sistem Pengurusan Bersepadu Sumber Manusia (I-HR), Sistem Pengurusan Hotel Bersepadu (IHS), Sistem Pemantauan Permohonan dan Prestasi (MAPS) serta pusat panggilan UDA 1Call.

UDA 1Call atau talian 1-300-88-0032, adalah talian tempahan untuk rangkaian hotel di bawah UDA Ancasa

di seluruh negara.

Mengulas lanjut, Nur Jazlan berkata, perbincangan berhubung status BBP akan meliputi beberapa pilihan termasuk menjualnya kepada MRT atau terus memilikinya di bawah kumpulan.

Beliau berkata, jika kumpulan itu tidak menjual BBP, maka pihaknya perlu menimbang permintaan untuk pembangunan semula, penutupan keseluruhan atau sebahagian daripada operasi perniagaan yang terjejas.

“Cadangan membangunkan semula bangunan BBP membabitkan aktiviti roboh dan bina hanya akan dipertimbangkan jika aset ini terjejas kerana MRT Corp mahu menggunakan ruang di tingkat bawah tanah kami serta berdasarkan kebimbangan struktur bangunan terjejas sepanjang proses pembinaan,” katanya.

FAKTA NOMBOR

RM370
juta

nilai pasaran semasa Bukit Bintang Plaza